

21 JAN 2001

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA SELEPAS LAWATAN KERJA KE OSAKA

SUBANG, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang hari ini selepas melakukan lawatan kerja empat hari ke Osaka, Jepun.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, sebelum itu singgah sebentar di Kota Kinabalu.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri mendarat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini pada kira-kira pukul 5.05 petang.

Semasa di Osaka, Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Simposium Mainichi International, kempen peringkat pertama "Wake Up Kansai" yang bertujuan memulihkan kelembapan ekonomi di wilayah Kansai.

Dalam ucapannya yang bertemakan "Mempromosikan Persefahaman Bersama Antara Asia dan Jepun, terutama Kansai", perdana menteri telah menggesa Jepun supaya tidak meniru budaya Barat 100 peratus tetapi mengekalkan nilai-nilai tradisi mereka yang telah diuji dan berjaya.

Beliau juga menghadiri majlis memperingati penerbitan buku yang berdasarkan artikel-artikel beliau dalam Mainichi Daily News, "Reflections of Asia".

Semasa lawatan itu, beliau juga bertemu Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Takeo Hiranuma dan pengerusi Persekutuan Ekonomi Kansai Yoshihisa Akiyama yang juga presiden Kansai Electric Power Co Inc.

Dr Mahathir turut melawat kilang Paparan Cecair Kristal (LCD) Sharp di Bandaraya Tenri, Wilayah Nara.

Di sana, perdana menteri yang menyaksikan ciptaan terbaru dunia elektronik, menggesa gergasi elektronik Jepun untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia, termasuk menempatkan kilang teknologi canggih LCD mereka di sini.

Selain itu, Dr Mahathir turut melawat pusat multimedia di Electro-Communication University Osaka yang terkemuka yang membuat pengkhususan dalam bidang teknologi maklumat.

Perdana Menteri kemudiannya mengadakan dialog dengan pelajar Malaysia di wilayah Kansai dan menyertai rakaman forum bertajuk "Views And Ideas On The 21st Century-Future Of Asia And Japan's Choice" oleh Fuji Television Network.

-- BERNAMA

RV AKT ES LAT